



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
ARAS 2, BLOK E2,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8884 9190
Faks: 03-8888 6659
Laman Web://www.moe.gov.my

Ruj.Kami : KPMSP.700/4/1/2(77)
Tarikh : 21 Januari 2016

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT MURID BERKEPERLUAN KHAS MENERUSI
MODUL PENGURUSAN MURID DI DALAM SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH (SPS)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan verifikasi terhadap maklumat murid berkeperluan khas (MBK) di dalam Modul Pengurusan Murid, Sistem Pengurusan Sekolah bagi data 31 Januari 2016.
3. Sehubungan dengan itu, **semua sekolah rendah dan menengah yang mempunyai MBK perlu mengemaskini maklumat MBK supaya selari dengan bilangan MBK yang didaftarkan dalam setiap kelas.** Pengemaskinian ini perlu dilaksanakan **sebelum atau pada 31 Januari 2016** dengan merujuk kepada manual seperti di Lampiran A. Kegagalan mengemaskini maklumat tersebut akan memberi kesan kepada peruntukan Geran Per Kapita (PCG) MBK di sekolah. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan tindakan ini kepada **semua Pengetua dan Guru Besar.**
4. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi **Puan Sabariah Binti Muhammad Nor** di talian **03-8884 9158.**

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(SHAZALI BIN AHMAD)
Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Anita/Sabariah/SPS